



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya, Malaysia

Tel: 03-8000 8000 Email: aduan@rurallink.gov.my | webmaster@rurallink.gov.my

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

E-KERATAN AKHBAR HARIAN

TARIKH : 17 MEI 2019

RUJUKAN : KPLB.UKK.600-11(43)

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

 www.rurallink.gov.my

 Kementerian Pembangunan Luar Bandar

 [kplb_gov](https://twitter.com/kplb_gov)

 [kplb_gov](https://www.instagram.com/kplb_gov)

 [kplb Official](https://www.youtube.com/kplbOfficial)

TARIKH:

17 MEI 2019

HALAMAN:

6

ONLINE

Utusan

BERITA HARIAN

Metro

Kosmo!

Sinar

Star

NEW STRAITS TIMES

南洋商報

東方日報

Utusan Borneo

THE BORNEO POST

NEW SABAH TIMES

Rina edar cenderamata untuk guru

KUALA LUMPUR – Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Mohd. Harun mengimbau semula kenangan lama apabila merasmikan Program Penyampaian Cendera hati Sempena Hari Guru di sekolah lamanya, Sekolah Kebangsaan Datuk Keramat 1, di sini semalam.

Beliau berkata, program itu diadakan bagi menghargai jasa dan pengorbanan guru-guru yang bertungkus-lumus mencurahkan ilmu bagi mendidik anak murid.

“Sekolah ini mempunyai nilai sentimental yang tersendiri dalam diri saya kerana pernah menuntut ilmu di sini sejak darjah satu sehingga tamat darjah enam.

“Sempena program ini saya juga berkesempatan melawat lima buah sekolah



RINA (tengah) beramah mesra dengan beberapa orang guru selepas menyampaikan cenderahati sempena Hari Guru 2019 di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Ampang, Kuala Lumpur semalam.

lain bagi menyampaikan cenderahati sebagai tanda menghargai jasa guru-guru,” katanya ketika ditemui selepas merasmikan program itu.

Rina memberitahu, sebanyak 2,500 cenderahati telah disediakan untuk

guru-guru di 30 buah sekolah dalam Parlimen Titiwangsa.

“Dengan penghargaan ini, besar harapan saya agar guru-guru akan terus bersemangat dalam membentuk dan mendidik anak bangsa,” ujarnya.

TARIKH:

17 MEI 2019

HALAMAN:

ONLINE

BH ONLINE

Utusan

BERITA HARIAN

Metro

Kosmo!

Sinar

Star

NEWSTRAITSTIMES


南洋商報

東方日報

Utusan Borneo

THE BORNEO POST

NEW SABAH TIMES



Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Seri Rina Mohd Harun (belakang tengah) bergambar bersama penerima Watikah Perlatikan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan MARA ketika Majlis Sambutan Hari Guru Kementerian Pembangunan Luar Tahun 2019 di Bangunan MARA hari ini. - Foto BERNAMA

TARIKH:

17 MEI 2019

HALAMAN:

ONLINE

BH ONLINE



Lepasan institusi pendidikan MARA penuhi kehendak industri



Oleh Mohd Naseruddin Farzi
bhnews@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Kadar kebolehpasaran lepasan institusi pendidikan di bawah MARA, meningkat kepada 85 peratus tahun ini berbanding 80 peratus bagi tahun sebelumnya.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Mohd Harun, berkata perkembangan itu membuktikan matlamat sebenar MARA tercapai dalam melahirkan graduan yang bukan hanya cemerlang dalam pembelajaran serta berkemahiran tinggi, malah seiring tuntutan industri.

"Selain motivasi kepada pelajar, kita juga menjalin kerjasama dengan industri, itu sangat penting. Apabila kita mahu menyediakan pelajar, lepas belajar dia pasti mahu bekerja, mahu jadi usahawan.

"Kalau kita tidak bina hubungan (dengan industri) bagi memenuhi kehendak pasaran industri, ia menjadi satu kerugian," katanya pada sidang media selepas majlis Sambutan Hari Guru peringkat kementeriannya di bangunan MARA, di sini hari ini.

Beliau berkata, jalinan kerjasama dengan industri perlu sentiasa dilaksana bagi membolehkan apa yang ditawarkan MARA, seiring dengan keperluan yang dimahukan industri.

Dalam pada itu, Rina berkata, ketika ini tenaga pengajar di MARA mencukupi dengan jumlah enrolmen pelajar yang ada, namun penambahbaikan yang giat dilakukan adalah menambah kemahiran tenaga pengajar dengan teknologi maklumat (ICT).

"Bila kita sebut peredaran masa, guru mesti lebih kreatif kerana sekarang pelajar lebih terdedah dengan teknologi, maka guru perlu lebih mahir (penguasaannya) daripada pelajar," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Rina berkata, MARA kini memiliki 10,485 tenaga pengajar di 343 pusat institusi pendidikan di bawahnya di seluruh negara bagi melatih 115,000 pelajar aktif.

Bagi peringkat prasekolah pula, katanya, terdapat 10,996 kelas TABIKA Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dengan tenaga pengajar seramai 10,748 orang mengajar 217,329 kanak-kanak di seluruh negara.

"KEMAS juga mempunyai 509 TASKA yang memberi perkhidmatan asuhan kepada 9,392 kanak-kanak dengan tenaga pengajar seramai 1,632 orang," katanya.

"Sehingga kini, seramai 5,171 pemaju masyarakat TABIKA dan 648 pemaju masyarakat TASKA sudah memiliki Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak. Seramai 2,253 pemaju masyarakat TASKA di bawah KEMAS pula memiliki diploma pelbagai jurusan," katanya.

Dalam memastikan ekosistem pembelajaran dan pendidikan MARA terus membangun, beliau berkata, kerajaan menyalurkan peruntukan RM1.1 bilion bagi belanja mengurus untuk sektor pendidikan di bawah agensi berkenaan.

TARIKH:

17 MEI 2019

HALAMAN:

ONLINE

BERNAMA.COM



Tiada keperluan tambah tenaga pengajar di institut pendidikan bawah MARA - Rina Harun

Tarikh kemaskini: 16/05/2019



KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Kerajaan melihat tiada keperluan untuk menambah bilangan tenaga pengajar di kesemua Institut Pendidikan Mara (IPMa) di seluruh negara buat masa ini, kata Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Seri Rina Mohd Harun.

Beliau berkata, ini kerana nisbah tenaga pengajar dengan jumlah pelajar sedia ada di kesemua 343 IPMa seluruh negara masih boleh diurus.

"Buat masa ini kalau ikutkan daripada nisbah tenaga pengajar dan pelajar di Mara masih boleh diurus, cuma guru-guru perlu lebih kreatif dan lebih maju sebab murid sekarang terdedah kepada teknologi.

Jadi guru perlu mempunyai kemahiran teknologi dan maklumat yang lebih banyak lagi," katanya kepada pemberita selepas merasikan Majlis Sambutan Hari Guru@KPLB 2019 di sini hari ini.

Setakat ini, Mara mempunyai 10,485 orang guru dan hampir 114,378 pelajar.

IPMa merangkumi Maktab Rendah Sains Mara sebanyak 54 buah, GiatMara (230), Kolej Mara (4), Institut Kemahiran MARA (14 buah), Kolej Profesional MARA (6), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (11), Kolej PolyTech Mara (8), UniKL (12), Kolej Universiti PolyTech MARA (KUPTM), German-Malaysian Institute (GMI), Institut Perindustrian MARA-Jepun (MJII) dan UniMARA, masing-masing sebuah.

Selain itu, terdapat 10,996 kelas Tabika Kemas dengan tenaga pengajar seramai 10,748 yang dapat membimbing 217,329 kanak-kanak di seluruh negara.

Rina berkata kadar kebolehpasaran graduan Mara melalui pelbagai IPMa dan skim pendidikan, mencatatkan peningkatan iaitu pada tahap 85 peratus pada tahun lepas berbanding 80 peratus pada tahun sebelumnya.

"Mara telah menyediakan 18,000 profesional dalam bidang kejuruteraan, kedoktoran dan perakaunan pada 2018 serta lebih 33,000 graduan dalam bidang teknologi dan vokasional," katanya.

Pada majlis itu Rina turut menyampaikan watak kepada 20 Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Mara, yang diberikan kepada guru yang menunjukkan kecemerlangan dalam menjalankan tugas sebagai pendidik.

Terdahulu pada majlis berasingan, Rina, anggota Parlimen Titiwangsa, meluangkan masa melawat sekolah beliau mula mendapat pendidikan secara formal ketika bersekolah rendah bersempena Sambutan Hari Guru hari ini di Sekolah Kebangsaan Datok Keramat 1 di sini.

Beliau berkata kunjungannya itu untuk bertemu dan menyerahkan cenderahati kepada semua warga pendidik bagi meraikan mereka pada majlis berkenaan yang bertugas di 30 buah sekolah rendah dan menengah di dalam Parlimen Titiwangsa.

-- BERNAMA

TARIKH:

17 MEI 2019

HALAMAN:

ONLINE

UTUSAN ONLINE



Tiada keperluan tambah tenaga pengajar Mara - Rina



RINA Mohd. Harun memberikan bunga ros sebagai simbolik tanda terima kasih kepada 30 guru Kemas Wilayah Persekutuan selepas Majlis Sambutan Hari Guru @ KPLB 2019 bertemakan "Guru . Obor Hemah Menyinari Pertiwi" di Menara MARA - UTUSAN ONLINE/ WAHIDAH ZAINAL

KUALA LUMPUR 16 Mei - Kerajaan tidak melihat sebarang keperluan untuk menambah bilangan tenaga pengajar di 343 buah Pusat Institusi Pendidikan Mara (Ipma) dan Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika) Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) seluruh negara setakat ini.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Mohd. Harun berkata, nisbah jumlah tenaga pengajar dengan bilangan pelajar di semua institusi di bawah Mara masih terkawal dan boleh diuruskan.

"Mara sendiri mempunyai seramai 10,485 orang guru yang Ipma di seluruh negara dan 10,748 orang tenaga pengajar di Tabika Kemas.

"Secara keseluruhan Mara mempunyai hampir 114,378 pelajar aktif yang menjadi aset penting kepada pembangunan negara manakala tenaga pengajar di Tabika Kemas membimbing sebanyak 217,329 kanak-kanak di seluruh negara.

"Manakala di bawah Taska, Kemas mempunyai 509 buah Taska yang memberi perkhidmatan asuhan kepada 9,392 kanak-kanak dengan tenaga pengajar seramai 1,632. Jadi kalau ikut nisbah masih terkawal, cuma guru perlu memlengkapkan diri dengan kemahiran teknologi yang bergerak pantas," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Sambutan Hari Guru Kementerian 2019 di sini hari ini. - UTUSAN ONLINE

